

17 NOV 1998

APEC-BERITA-PEG

PM AKAN JADI PENAUNG PENGASAS PEG

Oleh: Nuryushida Laily Yusof

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju untuk menjadi penaung pengasas Perkongsian Bagi Pertumbuhan Samarata (PEG) yang dicadangkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) di Vancouver tahun lalu, kata seorang pegawai ABAC hari ini.

PEG, yang akan bertindak sebagai pemangkin bagi penglibatan sektor swasta dalam inisiatif Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH) seperti Inisiatif Pendidikan IT Apec, Projek Grid Gas Asia, Teknologi Bersih di China dan Rancangan Kuala Lumpur bagi Cendekiawan Apec ini, dijangka mula beroperasi menjelang awal 1999.

"Sasarannya ialah mewujudkan PEG menjelang akhir tahun manakala penubuhannya diselesaikan menjelang 31 Jan, 1999," kata pengerusi Pasukan Petuga PEG Tan Sri Francis Yeoh kepada Bernama di sini.

Organisasi yang akan berpangkalan di Kuala Lumpur ini akan beroperasi sebagai, organisasi pengedaran yang tidak mencari untung dengan kakitangannya sendiri yang sah dan bebas, jelasnya.

"Anggota-anggota PEG akan terdiri daripada syarikat atau konsortium syarikat dari 21 negara anggota Apec, dengan jumlah maksimum tiga syarikat dari setiap negara," katanya.

Brunei, China Taipei, Indonesia, Hong Kong, China dan Malaysia telahpun mengesahkan keanggotaan mereka dalam PEG, kata Yeoh.

"Kami sedang menunggu pengesahan keahlian daripada A.S., Korea, Kanada, China dan Filipina," katanya.

Semua anggota akan bertindak sebagai pengarah kerja manakala tiga pengarah ex-officio pertama akan dicalonkan daripada kalangan menteri-menteri perdagangan atau menteri-menteri kanan yang pernah, sedang dan akan menjadi pengerusi Apec, kata Yeoh.

"Eksekutif akan diketuai oleh ketua eksekutif berkualiti, yang tinggi keusahawanan dan kepekaannya terhadap isu-isu sosial beserta dengan satu pasukan kecil ahli-ahli profesional yang berdedikasi, termasuk seorang ketua pegawai operasi yang mahir dengan isu ECOTECH," katanya.

Pengarah eksekutif Abac, Dr Shafiq Sit Abdullah, akan menjadi ketua eksekutif sementara yang pertama bagi PEG, terang Yeoh, sambil menambah kata bahawa sebaik sahaja pertubuhan ini mula beroperasi, tugas beliau sebagai pengerusi Pasukan Petugas PEG akan tamat secara rasmi.

Dalam tiga tahun pertama ia beroperasi, belanjawan kendalian PEG dianggarkan berjumlah AS\$3 juta, kata Yeoh.

"Sebagai sokongannya kepada inisiatif ECOTECH, kerajaan Malaysia akan menyediakan wang permulaan sebanyak satu pertiga daripada belanjawan asal," kata Yeoh.

ECOTECH merupakan satu daripada dua tunggak Apec di samping Pelonggaran dan Pemudahan Perdagangan dan Pelaburan (TILF), yang telah disebut dalam Agenda Tindakan Osaka pada tahun 1995.

Antara matlamatnya ialah untuk mengurangkan ketidak samaan di kalangan ekonomi Apec dan bagi memperkukuhkan lagi semangat bermasyarakat di rantau Asia Pasifik.

-- BERNAMA

NLY KY MA